

**NO. SOALAN : 418**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
[ SEPANG ]**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [ Sepang ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah peruntukan wang yang telah diberikan atau diperuntukkan kepada Kementerian ini dalam RMKe11 bagi mempromosi Sepang sebagai destinasi pelancongan dalam dan luar negara; dan
- (b) apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang yang telah dirancang khusus oleh Kementerian untuk dilaksanakan di Sepang bagi menggalakkan dan mempromosi Sepang sebagai destinasi pelancongan utama di negara ini.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe10), Kementerian telah memperuntukan sebanyak RM15.5 juta bagi Negeri Selangor. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM385,000.00 telah diperuntukan untuk Menaiktaraf Kemudahan Homestay Banghurst, Sepang dan Menaiktaraf Kemudahan homestay Batu Laut, Kuala Langat.

Manakala di bawah *First Rolling Plan*, Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe11) sebanyak RM6.3 juta telah diperuntukan bagi Negeri Selangor yang merangkumi pelbagai program pelancongan seperti Pembangunan Eko-Tourism, Homestay / Inap Desa dan Penyediaan / Peningkatan Kemudahan Pelancongan. Walau bagaimanapun, tiada sebarang projek diluluskan di Daerah Sepang.

Sehubungan dengan itu, Kementerian ini mengalu-alukan sebarang cadangan daripada Yang Berhormat sekiranya ada produk – produk pelancongan yang berpotensi dibangunkan di Sepang untuk di kemukakan dibawah *Rolling Plan*, RMKe11 pada tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Perancangan jangka pendek bagi mempromosi Sepang sebagai destinasi pelancongan di Negara ini adalah seperti berikut:

1. Mempromosikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di Homestay Banghuris kepada pelancong asing yang datang menginap dan memperkenalkan budaya masyarakat Malaysia.
2. Mempromosikan pusat membeli-belah di Sepang seperti Mitsui Outlet Park, IOI City Mall, DPulze serta KLIA2 sebagai tempat membeli-belah kepada pelancong domestik dan pelancong antarabangsa. Aktiviti-aktiviti promosi yang akan dijalankan adalah 1Malaysia Super Sale (1 - 31 Mac 2016), 1Malaysia Mega Sale Carnival (15 Jun - 31 Ogos 2016) dan 1Malaysia Year End Sale (1 November – 31 Disember 2016)
3. Mempromosikan perlumbaan Formula 1 dan Moto GP yang diadakan setiap tahun. Perlumbaan Formula 1 pada tahun 2016 akan diadakan pada 30 September – 2 Oktober 2016, manakala Moto GP akan diadakan pada 30 Oktober 2016; dan
4. Mempromosikan Pantai Bagan Lalang sebagai zon rekreasi pesisir pantai dalam mempromosikan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pantai.

Manakala Perancangan Jangka Panjang yang dirancang adalah seperti berikut:

1. Mengadakan kerjasama dengan kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor Sdn. Bhd. dalam mempromosikan aktiviti-aktiviti pelancongan di Daerah Sepang; dan
2. Mengadakan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Sepang dalam mempromosikan pelancongan di Daerah Sepang.

Sekian, terima kasih.